



celcomdigi

Tawaran Istimewa Ramadan

Bersama, hargai setiap detik **Ramadan** #EratkanJkatan

Imsak  
06:06 am

Subuh  
06:16 am

Zohor  
01:27 pm

## Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan diaktifkan

Oleh Bernama - Mac 4, 2025 @ 4:52pm



Keadaan kawasan ladang kelapa yang terbakar di Kuantan. - Foto JBPM Pahang

PUTRAJAYA: Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan (PTPTK) sudah diaktifkan bagi membolehkan semua pihak meningkatkan pemantauan terhadap pembakaran terbuka yang boleh menyebabkan jerebu serta menjejaskan kualiti udara dan kesihatan awam.

Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata pelan itu diaktifkan pada 21 Februari lalu untuk membolehkan kementerian, jabatan, agensi berkaitan dan kerajaan negeri mengambil tindakan berjaga-jaga serta mencegah pembakaran terbuka.

Beliau berkata, Prosedur Tetap Operasi (PTO) bagi Melaksanakan Program Mencegah Kebakaran di Tanah Gambut Untuk Mengatasi Jerebu di Malaysia turut diaktifkan Jabatan Alam Sekitar (JAS) sejak 26 Februari lalu.

"JAS juga telah meningkatkan tindakan penguatkuasaan serta aktiviti pemantauan melalui darat dan udara dengan menggunakan dron, selain memantau bacaan indeks pencemaran udara (IPU) dari semasa ke semasa.

### DISYORKAN

- Jururawat cedera dipukul lelaki tidak siaman
- Kebakaran ladang kelapa Gebeng merebak 130 hektar kawasan
- Kedaulatan dan kepentingan negara dilindungi dalam perjanjian air dengan Singapura
- Nor Farah kini pemain nombor satu dunia

"Koordinasi antara agensi berkaitan bagi merancang kerja-kerja pemadaman dan kawalan kebakaran turut diadakan," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Ia berikutan IPU di Balok Baru, Kuantan, Pahang, merekodkan bacaan tidak sihat, hari ini, susulan kebakaran tanah gambut di Ladang Kelapa Cherating.

Mengulas mengenai kebakaran itu pula, Nik Nazmi berkata, usaha pemadaman sedang giat dijalankan oleh pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) menggunakan kaedah 'firefighting', 'water bombing' dan kerja-kerja 'flooding' di kawasan terbabit, dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya (JKR) serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Susulan bacaan IPU mencecah 201 hingga 300 di Balok Baru, semalam, JAS mengeluarkan Nota Pemberitahuan Amaran 3A dan 3B kepada Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC), Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), untuk tindakan hebahan Notis Kesiapsiagaan Operasi Bencana pada peringkat negeri serta daerah.

"Hebahan ini juga bertujuan membolehkan Jawatankuasa Pengurusan Bencana peringkat daerah atau negeri diaktifkan, dan memastikan tindakan dapat diambil selaras dengan Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan," katanya.

Nik Nazmi berkata, beliau akan mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Jerebu dan Cuaca Kering Kebangsaan Bilangan 1 Tahun 2025, esok.

Ia antara lain akan melaporkan status terkini keadaan cuaca, kualiti udara dan sebagai platform bagi merancang tindakan serta strategi pencegahan pembakaran terbuka dan jerebu.

"Isu kebakaran di Ladang Kelapa Cherating, Kuantan, dan tindakan penyelarasan berkaitan akan turut dibincangkan melalui mesyuarat ini," katanya.

Hari ini, Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, menitahkan penduduk di sekitar Balok Baru, terutama mereka yang mempunyai masalah pernafasan, untuk berhati-hati susulan pencemaran udara di kawasan itu.